

16 OCT 1996

KEJOHANAN MEMANAH ANTARABANGSA LANGKAWI TARIK 300 PENYERTAAN

LANGKAWI, 16 Okt (Bernama) -- Sebanyak 300 pemanah termasuk 100 dari negara luar akan menyertai Kejohanan Memanah Dalam Dewan Antarabangsa Langkawi bermula 15 Nov ini.

Malaysia menjadi tuan rumah buat pertama kali bagi acara tiga hari itu yang dianjurkan oleh Persatuan Memanah Kedah dan kerajaan negeri, kata Naib Presiden persatuan Mansor Ismail.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan kejohanan itu yang akan disertai pemanah dari ASEAN, Mongolia, India, Hong Kong, China, Jepun, Pakistan, Bhutan, Kazakhstan, Turkmenistan, Tajikistan, Taiwan, New Zealand dan Australia.

"Kami mengambil keputusan untuk tidak membenarkan gergasi memanah dunia, Korea mengambil bahagian atas sebab yang amat jelas iaitu mereka terlalu kuat," kata beliau.

Mansor bagaimanapun berkata acara dua tahun sekali itu akan menarik dengan penyandang pingat emas Kejohanan Sukan SEA, Clint Sayo dan Jo Ann Tabog, kedua-duanya dari Filipina mengesahkan penyertaan mereka.

Bagi Malaysia, beliau berkata juara kebangsaan wanita Lim Geok Pong akan mengetuai cabaran negara bersama bekas juara kebangsaan Siti Aishah Sudin. -- BERNAMA

ZAA ZI NHD MAI